



اُنِيُورْسِيْتِي تِكْنُولُوجِي مَارَا

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT KAMPUS SEGAMAT JOHOR

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA HJ ABU TALIB BIN HJ MALIK
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM BIDANG POLIS SEMASA
ZAMAN DARURAT.**

OLEH:

FATMA ZAHARA BT ZAIDI (2012384593)

SITI NUR SARAH BT MD SHUHIMI (2012566003)

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN**

KURSUS IMR 604 : DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2014 - JUN 2014)

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	i
1.0 ABSTRAK	1
2.0 SINGKATAN	2
3.0 PENGENALAN	3-7
4.0 TRANSKRIP WAWANCARA	8-55
5.0 LOG WAWANCARA	56-58
6.0 BIODATA TOKOH	59
7.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA	60-69
8.0 SENARAI RUJUKAN	
9.0 LAMPIRAN	
10.0 DIARI PENYELIDIKAN	
11.0 INDEKS	
12.0 RALAT	
13.0 BIODATA PENULIS	

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Terlebih dahulu bersyukur kepada hadrat Illahi, dengan limpah dan kurniaNya dapat juga kami melengkapkan tugas yang diberikan berkaitan dengan Dokumentasi Lisan ataupun "*Oral Documentation*" dibawah subjek IMR 604. Dengan masa yang diberikan untuk menyiapkan tugas ini, kami mengakui kekangan masa yang kami hadapi untuk menjalankan sesi temubual bersama tokoh. Tapi dengan kesabaran dan sokongan yang diberikan, kami dapat mengatasinya dengan pertolongan dari Nya jua.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu En. Mohd Faizal bin Mohd Ramsi yang banyak memberi tunjuk ajar dan membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Dengan sokongan dan ilmu yang telah diberikan kepada kami, dapat juga kami menyiapkan dengan jayanya. Kami amat menghargainya dan sekali lagi ucapan terima kasih untuk pensyarah kami.

Seterusnya, iaitu tokoh yang kami hormati dan sanjungi iaitu Hj Abu Talib bin Hj Malik yang banyak membantu kami dalam memberi maklumat dan input-input yang berguna sepanjang sesi temubual berlangsung. Dengan kerjasama yang diberikan kepada kami, tugas ini dapat diselesaikan dengan lancar. Tanpa bantuan dari tokoh kami, tidaklah kami menyiapkan tugas ini dengan baik.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

1.0 ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Hj. Abu Talib Bin Haji Malik Mengenai Penglibatan Beliau Dalam Bidang Polis Semasa Zaman Darurat.

Abstrak: *Transkrip ini adalah temubual bersama seorang tokoh iaitu Hj. Abu Talib bin Haji Malik mengenai penglibatan beliau dalam bidang polis. Temubual ini dikendalikan di alamat beliau di 288 JLN Cempaka Felda Ayer Hitam pada 27 April 2014 pada jam 10 pagi. Hj. Abu Talib bin Haji Malik merupakan salah seorang polis pada zaman darurat dan telah memberi perkhidmatan beliau untuk menjaga keselamatan negara daripada pihak komunis. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang beliau, pengalaman beliau sepanjang penglibatan beliau dalam bidang kepolisan, dan pencapaian atau sumbangan beliau dalam bidang polis semasa zaman darurat.*

Kata Kunci: *Hj. Abu Talib bin Haji Malik, Kepolisan, Zaman Darurat, Komunis.*

1.0 PENGENALAN

OBJEKTIF

Antara objektif temubual ini adalah:

- Untuk berkongsi maklumat dan informasi kepada individu lain mengenai sebarang pengalaman dalam bidang yang beliau ceburi.
- Untuk mendapatkan dan mengumpulkan fakta tertentu hasil daripada temubual bersama tokoh iaitu Hj. Abu Talib bin Hj. Malik.
- Untuk berkongsi mengenai pengalaman, penglibatan dan pencapaian beliau sepanjang dalam bidang polis dan semasa berlakunya zaman darurat.
- Untuk dijadikan rujukan untuk masa hadapan kepada generasi yang akan datang untuk mengetahui lebih mendalam.

4.2 KAEDAH KAJIAN

Sebelum sesi temubual sebenar dijalankan bersama tokoh iaitu Hj. Abu Talib bin Hj. Malik, kami telah melakukan beberapa cara untuk mendapatkan maklumat mengenai tokoh dalam penglibatan beliau sebagai polis dan juga mengerah tenaga untuk keselamatan negara semasa zaman darurat. Antara cara yang telah kami jalankan untuk mendapatkan maklumat-maklumat tersebut ialah dengan menghubungi Hj. Abu Talib bin Hj. Malik untuk ditemubual dengan berkongsi maklumat dan pengalaman beliau dan beliau sanggup memberi komitmen kepada kami.

Selain daripada itu, cara lain ialah dengan mengadakan pra-temubual bersama Hj. Abu Talib bin Hj. Malik untuk mengumpul maklumat-maklumat penting sebelum berlakunya temubual sebenar bersama beliau. Dengan cara ini dapat membantu kami untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan jelas mengenai bidang dan penglibatan beliau. Dan cara yang lain ialah dengan mengumpulkan maklumat melalui pencarian maklumat dalam internet mengenai bidang polis dan juga peristiwa-peristiwa penting sepanjang zaman darurat. Ini mengukuhkan lagi maklumat untuk kami meneruskan temubual bersama beliau.